



Asian Social Work Journal (ASWJ)

Volume 6, Issue 5, October 2021

e-ISSN : 0128-1577

Journal home page:
www.msocialwork.com

Strategi Daya Tindak Belia Pelbagai Etnik Dalam Mengatasi Penagihan Semula Dadah, di Sabah

Mohd Hafizan bin Muamat Husin¹, Wan Anor Wan Sulaiman¹

¹Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia

Correspondence: Mohd Hafizan bin Muamat Husin (mohammedhafizan@yahoo.com)

Abstrak

Penagihan semula di kalangan bekas penagih dadah bukanlah suatu isu baru. Usaha ini telah lama giat dijalankan sejak penagihan dadah dianggap satu masalah serius bersifat epidemik sejak tahun 70-an lagi. Strategi daya tindak yang pelbagai di kalangan penagih dadah yang tidak dilakukan secara betul menyebabkan mereka tidak dapat mengelak dari terjebak semula dengan dadah. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui strategi daya tidak belia pelbagai etnik untuk mengatasi masalah penagihan semula dan melihat hubungan antara strategi daya tindak antara belia pelbagai etnik dalam usaha untuk mengurangkan penagihan semula. Kajian ini dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Subjek kajian adalah terdiri daripada belia yang pernah terlibat dengan pemulihan dadah di pusat-pusat pemulihan. Seramai 63 orang telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini telah dijalankan melibatkan bekas penagih di Papar dan Beaufort. Kaedah persampelan yang digunakan ialah sampel bertujuan yang melibatkan 63 orang belia berumur 18 – 35 tahun dari kawasan-kawasan yang terpilih sahaja seperti dari Papar dan Beaufort. Dalam kajian ini, alat kajian yang digunakan ialah '*Drug Avoidance Sel-Efficacy Scale*' diasaskan oleh Martin (1992). Inventori yang digunakan dalam kajian ini menyenaraikan 16 soalan strategi daya tindak mengawal diri daripada terlibat dengan dadah. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan rata-rata sampel kajian mempunyai kemampuan strategi daya tindak positif yang agak tinggi dan tahap *coping* adalah sederhana. Kajian ini juga menunjukkan setiap etnik mempunyai cara strategi yang berbeza untuk mengatasi masalah mereka apabila berhadapan dengan situasi bermasalah yang mendorong mereka untuk mengambil dadah semula.

Kata Kunci: strategi daya tidak, belia pelbagai etnik, penagihan semula

Coping Among Multi Racial Youths in Overcoming Drug Reimbursement in Sabah

Abstract

Reimbursement among drug addicts is not a new issue. This effort has long since been implemented since drug addiction is considered a serious epidemic problem since the '70s. A variety of immune strategies among drug addicts that are not properly done cause them to avoid being trapped by drugs. This study aims to identify the coping among multiracial youth to overcome the problem of redistribution and to identify the coping of multi-ethnic youth in order to reduce the redemption. This study was also carried out through surveys using questionnaires. The subjects of the study were youth who had been involved with drug rehabilitation at rehabilitation centers. A total of 63 people have been involved in this study. The study was conducted involving former drug addicts in Papar and Sandakan. Purposive sampling was used as a sampling method. It also involved 63 youths 18 - 35 years from

selected areas such as from Papar and Beaufort. In this study, the instrument used is the 'Drug Avoidance Cell-Efficacy Scale' founded by Martin (1992). Inventory used in this study lists 16 questions of self-esteem strategy of self-control rather than involving drugs. The results show that overall the sample of the study has a relatively high positive performance ability and a coping rate is moderate. This study also shows that each ethnic group has different strategies for dealing with their problems when faced with a problematic situation that prompted them to take drugs again.

Keywords: coping, multi-ethnic youth, reimbursement

Pengenalan

Setiap individu perlu berikhtiar dalam memastikan kelangsungan hidup. Antara ikhtiar yang perlu ada bagi seseorang individu ialah daya tindak. Ia amat penting bagi individu untuk meneruskan survival di atas muka bumi ini. Strategi daya tindak melibatkan segala upaya untuk mengendalikan sesuatu dengan jayanya menjadi satu mekanisme kepada manusia untuk menjalani hidup seperti yang diinginkan atau sekurang-kurangnya demi menyelamatkan diri daripada sesuatu ancaman. Daya tindak boleh difahami sebagai apa-apa aktiviti yang memelihara satuimbangan antara permintaan luaran dengan daya sumber peribadi demi mengelakkan diri daripada mengalami kesan-kesan yang negatif (Mahmood, Mohd. Taib, Ismail, Jamaludin & Rosli, 2004). Ia juga merupakan satu cara untuk membela diri daripada pelbagai ancaman (Mahmood et al., 2004).

Penagihan semula di kalangan bekas penagih dadah bukanlah isu baru. Usaha ini telah lama giat dijalankan sejak penagihan dadah dianggap satu masalah serius bersifat epidemik sejak tahun 70-an lagi (Mahmood, Hassan, Faisal & Ahamad, 2005). Menurut Kirby dan Lamb (1995), pelbagai pendekatan seperti memberi dadah gantian, latihan ala ketenteraan (Mahmood, Shuaib, Lasimon, Rusli & Md. Dzahir, 1999), rawatan homeopati, pemulihan kerohanian dan penyucian spiritual (Mahmood, Shuaib & Ismail, 1998), modifikasi tingkah laku (Monti & Rohsenow, 1997), pemulihan psikososial (Callaghan, Benton & Bradley, 1995), psikoterapi (Curran, Helene & Stephen), dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun tiada satu kaedah yang boleh dianggap benar-benar berjaya mengatasi penagihan dadah secara menyeluruh.

Di Malaysia, golongan belia daripada pelbagai kaum merupakan kumpulan individu yang paling ramai terlibat dengan penyalahgunaan dadah di mana corak penggunaan dadah yang lebih berbahaya digunakan dan melibatkan pengambilan dadah berbahaya seperti dadah sintetik (Abdul Ghafar, 2005). Pada 24 hingga 31 Disember 2007 sahaja, seramai 155 orang penagih remaja yang berusia di antara 13 hingga 18 tahun menerima rawatan/pemulihan di Pusat Serenti. Mereka terdiri daripada 129 (83.23%) orang lelaki dan 26 (16.77%) orang perempuan. Bilangan penghuni remaja berbangsa Melayu merupakan bilangan yang paling ramai iaitu seramai 133 orang diikuti oleh Pribumi Sabah/Sarawak, India, dan Cina.

Banyak faktor yang mendorong kepada penagihan semula; antaranya ialah kerana pengaruh kawan, diikuti perasaan ingin tahu dan untuk keseronokan seperti yang direkodkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI). Menurut Mahmood, Shuaib dan Lasimon (1999), bekas penagih sukar menukar corak hidup bebas dadah kerana mempunyai latar psikososial yang sama seperti ketagih kepada heroin, sama dari segi tahap pendidikan, struktur keluarga, sahsiah dan sebagainya serta sering terdorong mengikut rakan-rakan sebaya. Pengaruh kawan merupakan sebab utama individu mula terjebak dengan penagihan dadah iaitu sebanyak 50.88% (Abdul Ghafar, 2005). Ini disokong oleh sumber yang dikeluarkan oleh AADK Negeri Sabah (2007) iaitu sebab-sebab belia terlibat dengan dadah; antaranya kerana pengaruh kawan, ingin mencuba, rangsangan, secara tidak sengaja dan sebagainya.

Faktor-faktor ini tidak jauh berubah sejak 30 tahun lepas apabila kajian-kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan, Universiti Sains Malaysia pada tahun 1985 dan 1986 menunjukkan pelajar-pelajar terlibat dengan dadah kerana kurang daya ketahanan diri dalam mengatasi

masalah peribadi, pengaruh sosial serta perasaan ingin mengetahui dan mencuba dadah (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, 1994). Menurut Mahmood et al. (2004), faktor ini boleh dikategorikan sebagai faktor dorongan dalaman dan luaran. Dorongan dalaman merangkumi perasaan rindu kepada dadah, tidak mahu berubah, tidak mendapat sokongan moral yang berlaku akibat daripada kurang mantap diri atau sahsiah seseorang penagih itu untuk 'menolak' pengaruh dadah (tidak mahu daripada tidak boleh). Seterusnya faktor luaran yang mendorong penagihan semula seperti pengaruh rakan sebaya dan rangsangan penggunaan dadah. Menurutnya lagi, walau apa pun bentuk rangsangan yang dialami, ia sebenarnya bergantung kepada daya tahan individu untuk berkata 'tidak' kepada dadah.

Permasalahan Kajian

Penyalahgunaan dan penagihan dadah yang tidak dirawat memberi tekanan kepada keluarga dan komuniti kerana menyebabkan berlakunya keganasan dan jenayah kecurian, perbelanjaan penjara semakin bertambah, kos mahkamah dan jenayah, bertambahnya kes-kes kecemasan, peningkatan keperluan peralatan kesihatan, penderaan dan pengabaian kanak-kanak, hilang sokongan anak, kos penjagaan anak angkat dan kebajikan, kekurangan produktiviti, dan pengangguran (NIDA, 2009). Penyalahgunaan dadah bukan sahaja memberi kesan kepada diri sendiri tetapi kepada keluarga, masyarakat malah juga kepada ekonomi dan keselamatan negara.

Selama ini, strategi daya tindak seperti sokongan sosial banyak diharapkan daripada komuniti, institusi dadah, rakan dan keluarga untuk mengurangkan penagihan semula dadah kerana ramai membuat andaian sokongan sosial memberi impak positif terhadap sebarang masalah yang dialami individu. Kenyataan ini ada benarnya di mana Cohen dan Wills (1985) menyimpulkan, terdapat bukti kesan penanaman ditemui apabila sokongan sosial diukur sebagai satu sumber yang wujud dalam tindak balas terhadap peristiwa tekanan tertentu. Namun terdapat juga aspek negatif sokongan sosial. Ini dibuktikan oleh Kirby dan Lamb (1995) bahawa aspek negatif yang timbul apabila melibatkan diri dalam hubungan sokongan termasuklah, desakan oleh orang yang signifikan, kekangan ke atas pilihan individu (bekas penagih) terbabit, usaha yang diperlukan untuk mengekalkan hubungan dalam keluarga atau pasangan, dan kekecewaan biasanya berlaku apabila pertolongan yang diharap dan dijangka tidak dapat diberikan.

Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk:

- i. Memeriksa strategi daya tindak belia pelbagai etnik untuk mengatasi masalah penagihan semula dadah.
- ii. Menentukan hubungan antara strategi daya tindak belia mengikut pelbagai etnik dalam pengurangan penagihan semula dadah
- iii. Memeriksa perbezaan strategi daya tindak belia pelbagai etnik dalam mengurangkan penagihan semula dadah.

Hipotesis Kajian

Tidak terdapat perbezaan antara strategi daya tindak belia pelbagai etnik dengan taraf pendidikan tertinggi dalam pengurangan penagihan semula dadah.

Tidak terdapat perbezaan antara strategi daya tindak belia pelbagai etnik dengan keturunan dalam pengurangan penagihan semula dadah.

Tidak terdapat perbezaan antara strategi daya tindak belia pelbagai etnik dengan jenis pekerjaan dalam pengurangan penagihan semula dadah.

Tidak terdapat perbezaan antara strategi daya tindak belia pelbagai etnik dengan pendapatan dalam pengurangan penagihan semula dadah.

Tidak terdapat perbezaan antara strategi daya tindak belia pelbagai etnik dengan agama dalam pengurangan penagihan semula dadah.

Tidak terdapat perbezaan antara strategi daya tindak belia pelbagai etnik mengikut jantina dalam pengurangan penagihan semula

Metod Kajian

Rekabentuk Kajian

Penyelidikan ini melibatkan kaedah kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Subjek kajian adalah terdiri daripada belia yang pernah terlibat dengan pemulihan dadah. Seramai 63 orang telah terlibat di dalam kajian ini.

Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan dengan melibatkan bekas penagih yang pernah mendapatkan rawatan dan berada di Papar dan Beaufort.

Sampel Kajian

Kaedah persampelan yang digunakan ialah sampel bertujuan yang melibatkan 63 orang belia berumur 18 – 35 tahun dari kawasan-kawasan yang terpilih sahaja seperti dari Papar dan Beaufort.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, alat kajian yang digunakan ialah 'Drug Avoidance Sel-Efficacy Scale' diasaskan oleh Martin (1992) menggunakan kaedah 'back translation'. Inventori yang digunakan di dalam kajian ini menyenaraikan 16 soalan strategi daya tindak mengawal diri daripada terlibat dengan dadah. Bagi setiap item, subjek telah diminta membayangkan diri mereka dalam situasi yang dinyatakan dan menjawab mengikut tahap keyakinan (efikasi-diri) untuk mengelak dadah dalam situasi tersebut. Setiap item skala membawa situasi berlainan yang mungkin akan mempengaruhi bekas penagih mengambil dadah. Setiap soalan diukur berdasarkan respon yang dibuat berdasarkan 7 pilihan jawapan iaitu daripada 1=*sangat setuju*, sehingga 7=*sangat tidak setuju* yang menggambarkan 'kekuatan' efikasi-diri subjek.

Hasil Kajian

Bahagian ini membincangkan data yang diperoleh daripada peserta kajian dan dianalisis dengan program statistik *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS-PC) versi 25 untuk Windows. Ujian-T dan ANOVA Sehalu digunakan untuk perbezaan antara kumpulan. Ujian analisis deskriptif, frekuensi dan crosstab pula digunakan untuk menganalisis hubungan perbezaan etnik dengan strategi daya tindak peserta kajian. Kajian dijalankan ke atas belia bekas menagih yang berada di Papar dan Beaufort. Seramai 63 orang bekas penagih dijadikan responden dalam kajian ini. Subjek seramai 63 orang telah diedarkan borang soal selidik DASES pada pertengahan Julai 2021 dan dikutip kembali pada hari yang sama. Kesemua borang soal selidik yang diedarkan dikembalikan seperti yang ditetapkan.

Hubungan antara Strategi Daya Tindak Belia Mengikuti Pelbagai Etnik dalam Pengurangan Penagihan Semula Dadah

Jadual 1 hingga 16 mempamerkan hasil kajian berkaitan hubungan antara strategi daya tindak mengikut etnik dalam pengurangan penagihan semula dadah.

Bayangkan anda hendak pergi ke jamuan dan berjumpa dengan orang yang baru pertama kali anda kenal. Anda berasa dadah/alkohol akan menenangkan dan membuat anda lebih yakin. Bolehkah anda mengelak daripada mengambil dadah/alkohol?

Jadual 1: Analisis *Cross-Tab* DASES 1 Mengikut Etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	7	0	2	3	3	0	3	18
Bajau	12	0	0	2	1	1	4	20
Suluk	6	0	1	2	0	1	4	14
Bugis	5	2	0	0	1	0	3	11
Total	30	2	3	7	5	2	14	63

Bayangkan anda baru terlepas peluang kerja yang bagus, anda keseorangan di rumah dan tertekan. Adakah anda akan mengalah dengan desakan untuk mengambil dadah/alkohol yang ada di dalam rumah?

Jadual 2: Analisis *Cross-Tab* DASES 2 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	2	1	1	5	1	8	18
Bajau	3	2	2	5	3	5	20
Suluk	2	0	2	2	2	6	14
Bugis	0	0	1	3	2	5	11
Total	7	3	6	15	8	24	63

Bayangkan anda berada di rumah dengan orang tersayang, dan berasa marah setelah bertengkar. Anda mahu berbaik semula, tetapi pada masa yang sama anda mahu berasa khayal/mabuk. Bolehkah anda menyekat keinginan mengambil dadah/alkohol?

Jadual 3 : Analisis *Cross-Tab* DASES 3 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	5	1	2	3	1	0	6	18
Bajau	8	1	1	1	3	0	6	20
Suluk	5	0	0	1	2	2	4	14
Bugis	5	0	4	0	0	0	2	11
Total	23	2	7	5	6	2	18	63

Bayangkan anda berasa sihat dan tiada apa-apa untuk dibuat selama beberapa hari. Satu perkara yang menghalang anda daripada khayal/mabuk ialah anda telah berjanji dengan diri sendiri anda akan

berhenti 2 bulan berturut-turut, dan masih ada 3 minggu lagi untuk mencukupi tempoh tersebut. Adakah anda akan mengambil dadah/alkohol?

Jadual 4 : Analisis *Cross-Tab* DASES 4 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin Ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	1	1	1	1	2	3	9	18
Bajau	1	1	0	3	4	4	7	20
Suluk	1	0	0	1	1	3	8	14
Bugis	0	0	0	1	2	1	7	11
Total	3	2	1	6	9	11	31	63

Bayangkan hari sudah lewat, anda tidak boleh tidur dan terdapat dadah/alkohol di dalam rumah. Anda telah bertekad tidak mahu mengambil dadah. Dapatkah anda menghalang desakan untuk mengambil dadah/alkohol supaya anda dapat tidur?

Jadual 5 : Analisis *Cross-Tab* DASES 5 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	5	3	2	1	0	0	7	18
Bajau	5	1	2	1	2	3	6	20
Suluk	8	1	0	0	0	2	3	14
Bugis	5	0	1	1	0	1	3	11
Total	23	5	5	3	2	6	19	63

Bayangkan esok anda akan memulakan kerja baru, anda keluar dengan kawan-kawan dan akan berseronok. Dapatkah anda menyekat keinginan untuk meraikan kejayaan tersebut dengan dadah/alkohol?

Jadual 6 : Analisis *Cross-Tab* DASES 6 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	4	2	2	1	3	0	6	18
Bajau	9	1	0	0	2	1	7	20
Suluk	6	1	0	2	0	1	4	14
Bugis	5	2	0	0	0	0	4	11
Total	24	6	2	3	5	2	21	63

Bayangkan esok anda akan memulakan kerja baru, anda keluar dengan kawan-kawan dan akan berseronok. Dapatkah anda menyekat keinginan untuk meraikan kejayaan tersebut dengan dadah/alkohol?

Jadual 7 : Analisis *Cross-Tab* DASES 7 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	4	2	2	1	3	0	6	18
Bajau	9	1	0	0	2	1	7	20
Suluk	6	1	0	2	0	1	4	14
Bugis	5	2	0	0	0	0	4	11
Total	24	6	2	3	5	2	21	63

Bayangkan anda baru sahaja putus hubungan dengan seseorang yang disayangi, dan anda sangat tertekan, adakah anda akan mengalah dengan desakan untuk mengambil dadah/alkohol?

Jadual 8 : Analisis *Cross-Tab* DASES 8 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	2	0	1	0	2	2	11	18
Bajau	5	0	1	1	3	3	7	20
Suluk	3	1	0	0	0	2	8	14
Bugis	2	0	0	1	1	1	6	11
Total	12	1	2	2	6	8	32	63

Bayangkan anda terserempak dengan dua orang kawan yang sedang meraikan kemenangan loteri dengan dadah/alkohol. Dapatkah anda menolak ajakan mereka untuk ikut serta mengambil dadah/alkohol?

Jadual 9 : Analisis *Cross-Tab* DASES 9 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin Ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	6	1	2	2	1	2	4	18
Bajau	9	1	1	1	1	2	5	20
Suluk	7	0	0	1	0	1	5	14
Bugis	5	1	0	0	0	0	5	11
Total	27	3	3	4	2	5	19	63

Bayangkan anda berada di jamuan dan berasa gementar. Kebanyakan tetamu sedang berseronok. Anda teringin hendak mengambil dadah/alkohol untuk mengurangkan gementar. Adakah anda akan mengambilnya?

Jadual 10 : Analisis *Cross-Tab* DASES 10 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin Ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	0	1	1	2	2	1	11	18
Bajau	2	0	0	2	3	4	9	20
Suluk	0	0	0	2	2	1	9	14

Bugis	0	0	0	1	1	0	9	11
Total	2	1	1	7	8	6	38	63

Bayangkan anda berjanji dengan diri sendiri untuk berhenti selama dua bulan tetapi anda telah merosakkan rekod bersih selama 5 minggu dengan mengambil dadah/alkohol 1 kali. Adakah keadaan ini menyebabkan anda meneruskan pengambilan dadah/alkohol untuk kali kedua?

Jadual 11 : Analisis *Cross-Tab* DASES 11 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	0	1	2	2	2	1	10	18
Bajau	4	1	0	0	4	5	6	20
Suluk	1	0	0	1	0	4	8	14
Bugis	1	0	0	1	1	1	7	11
Total	6	2	2	4	7	11	31	63

Bayangkan anda hampir berjaya berhenti dalam tempoh yang dikehendakki, tetapi malam tadi anda merosakkan rekod tersebut. Disebabkan peristiwa itu anda berasa lemah, adakah anda akan mengambil dadah/alkohol malam ini?

Jadual 12 : Analisis *Cross-Tab* DASES 12 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	0	0	2	0	1	3	12	18
Bajau	1	1	1	1	5	3	8	20
Suluk	0	0	0	0	0	3	11	14
Bugis	0	0	0	0	2	1	8	11
Total	1	1	3	1	8	10	39	63

Bayangkan anda keseorangan di rumah dan tertekan. Dapatkah anda melawan keinginan untuk keluar dan mencari dadah/alkohol?

Jadual 13 : Analisis *Cross-Tab* DASES 13 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	4	1	2	1	2	0	8	18
Bajau	7	1	1	1	3	2	5	20
Suluk	5	1	0	1	0	1	6	14
Bugis	4	1	0	0	1	1	4	11
Total	20	4	3	3	6	4	23	63

Bayangkan kawan baik anda menuduh anda tidak peka. Anda terluka dan teringin untuk mengambil dadah/alkohol. Dapatkah anda menyekat keinginan tersebut?

Jadual 14 : Analisis *Cross-Tab* DASES 14 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	7	1	3	1	1	1	4	18
Bajau	9	0	0	0	1	3	7	20
Suluk	5	1	0	1	0	3	4	14
Bugis	7	1	0	0	0	0	3	11
Total	28	3	3	2	2	7	18	63

Bayangkan kawan baik anda sedang berdukacita. Dia mahu anda ikut serta dalam perbincangan dan dadah/alkohol digunakan dalam perbincangan itu. Dapatkah anda melawan keinginan untuk mengambil dadah/alkohol?

Jadual 15 : Analisis *Cross-Tab* DASES 15 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	7	1	2	1	2	2	3	18
Bajau	9	0	1	2	2	2	4	20
Suluk	7	0	0	1	0	2	4	14
Bugis	7	2	0	0	0	0	2	11
Total	30	3	3	4	4	6	13	63

Bayangkan anda keseorangan di rumah; anda berasa jemu kerana tiada apa yang hendak dibuat. Adakah anda akan mengalah dengan keinginan untuk mengambil dadah/alkohol?

Jadual 16 : Analisis *Cross-Tab* DASES 16 mengikut etnik

	Sudah pasti Ya	Kemungkinan Besar ya	Mungkin ya	Tidak Pasti	Mungkin Tidak	Kemungkinan Besar Tidak	Pasti tidak	Total
Kadazan-Dusun	1	1	1	2	1	1	11	18
Bajau	3	1	2	1	3	2	8	20
Suluk	1	0	0	1	0	4	8	14
Bugis	0	0	0	1	3	0	7	11
Total	5	2	3	5	7	7	34	63

Analisis Perbezaan Strategi Daya Tindak Mengikut Etnik

Secara keseluruhan, Skor DASES Min DASES ialah 48.81 dan ini menunjukkan yang secara keseluruhannya, rata-rata peserta kajian ini mempunyai kemampuan strategi Daya Tindak Positif yang agak tinggi. Memandangkan corak pengukuran skor Dases ialah semakin tinggi skor maka semakin tinggilah kemungkinan untuk peserta kembali relaps, maka berdasarkan skor yang diperoleh iaitu dengan skor keseluruhan DASES ialah 112 untuk skor penuh, dan minimum 16, maka skor min instrumen Dases dalam kajian ini iaitu skor min 48.81 dan median pula 52.00, menunjukkan tahap coping positif peserta kajian secara umumnya adalah sederhana.

Jadual 17: Tahap strategi daya tindak

N	63.00
Missing	.00
Mean	48.81
Median	52.00
Std. Deviation	17.40
Minimum	16.00
Maximum	92.00

Analisis Skor DASES mengikut etnik

Secara amnya, di dapati skor min etnik Bajau dan Kadazan –Dusun adalah yang tertinggi dan ini menunjukkan mereka mempunyai strategi daya tindak yang lebih kuat berbanding etnik yang lain di mana berdasarkan jadual 23, etnik Bajau mencatatkan min (53.35) diikuti oleh Kadazan-Dusun (48.66), Suluk (47.43) dan paling rendah skor adalah dari etnik Bugis iaitu min (42.54). Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan strategi daya tindak antara etnik. Bagaimanapun dapatan kajian ini boleh digunakan untuk mengandaikan yang etnik Bajau dan Kadazan-Dusun paling tinggi berbanding etnik lain di dalam menolak penggunaan bahan terlarang jika diletakkan di dalam situasi-situasi yang boleh mendorong penggunaan bahan terlarang dan etnik Bugis merupakan etnik yang mempunyai tahap penolakan yang paling lemah berbanding etnik-etnik lain.

Jadual 18: Strategi daya tindak mengikut etnik

Keturunan	Mean	N	Std. Deviation	Significan
Kadazan-Dusun	48.6667	18	18.41674	
Bajau	53.3500	20	18.56504	0.81
Suluk	47.4286	14	17.25695	
Bugis	42.5455	11	13.12527	
Total	48.8095	63	17.40398	

Keputusan Analisis Hipotesis

Jadual 19 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi strategi daya tindak mengikut tahap pendidikan tertinggi subjek ($f = 1.534$, $dk = 124$, $k < 0.05$). Walau bagaimanapun keputusan juga menunjukkan min bahawa tahap diploma (54.00) mempunyai strategi daya tindak yang tinggi berbanding yang lain.

Jadual 19 : Keputusan Analisis ANOVA perbezaan Strategi daya tindak belia etnik dengan taraf pendidikan tertinggi

Pemboleh ubah	JKD	Dk	MKD	f	K
DASES	1797.214	4	449.304	1.534	0.204
	16982.498	58	292.802		
	18779.714	62			

K < 0.05

Jadual 20 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi strategi daya tindak mengikut keturunan di kalangan subjek ($F = .957$, $dk = 124$, $k > 0.05$). walau bagaimanapun keputusan juga menunjukkan min keturunan Bajau (53.35) lebih tinggi daripada keturunan yang lain.

Jadual 20 : Keputusan Analisis ANOVA perbezaan Strategi daya tindak belia etnik dengan keturunan

Pemboleh ubah	JKD	Dk	MKD	f	K
DASES	871.008	3	290.336	.957	.419
	17908.706	59	303.537		
	18779.714	62			

K>0.05

Jadual 21 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi strategi daya tindak mengikut jenis pekerjaan dikalangan subjek ($F=.225$, $dk= 124$, $k>0.05$). walau bagaimanapun keputusan juga menunjukkan min jenis pekerja swasta (52.00) lebih tinggi daripada pekerjaan kerajaan, kerja sendiri, dan lain-lain.

Jadual 21 : Keputusan Analisis ANOVA perbezaan Strategi daya tindak belia etnik dengan jenis pekerjaan

Pemboleh ubah	JKD	Dk	MKD	f	K
DASES	286.638	4	71.660	.225	.924
	18493.076	58	318.846		
	18779.714	62			

K>0.05

Jadual 22 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi strategi daya tindak mengikut jenis pendapatan dikalangan subjek ($F= .708$ $dk= 124$, $k>0.05$). keputusan menunjukkan juga bahawa min pendapatan antara RM251 hingga RM500 adalah paling tinggi berbanding dengan tahap pendapatan yang lain.

Jadual 22: Keputusan Analisis ANOVA perbezaan Strategi daya tindak belia etnik dengan jenis Pendapatan

Pemboleh ubah	JKD	dk	MKD	f	k
DASES	652.823	3	217.608	.708	.551
	18126.892	59	307.235		
	18779.714	62			

K>0.05

Jadual 23, menunjukkan tidak terdapat perbezaan Strategi Daya Tindak mengikut agama di kalangan subjek ($t=0.642$, $dk=61$, $k>.05$). keputusan juga menunjukkan min agama Islam (49.06) lebih tinggi dari bukan Islam.

Jadual 23 : keputusan analisis Ujian-t bagi perbezaan Strategi Daya Tindak mengikut Agama

Pemboleh ubah	agama Islam			bukan Islam			t	dk	k
	(n)	Min	S.P	(n)	Min	S.P			
DASES	61	49	17.3	2	41	26.9	0.642	61	0.458

Jadual 24, menunjukkan tidak terdapat perbezaan Strategi Daya Tindak mengikut jantina di kalangan subjek ($t=1.92$, $dk=61$, $k>.05$). Keputusan juga menunjukkan dari segi min lelaki (48.94) lebih tinggi daripada perempuan.

Jadual 24: Keputusan analisis Ujian-t bagi perbezaan Strategi Daya Tindak mengikut Jantina

Pemboleh ubah	agama Islam			bukan Islam			t	dk	k
	(n)	Min	S.P	(n)	Min	S.P			
DASES	57	8.9	17.5	2	47.5	17.4	.192	61	0.006

Kesimpulan

Dapatan kajian secara keseluruhan telah pun diuji dan dibincangkan berdasarkan ketiga-tiga objektif kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Pada keseluruhannya kajian ini tidak menunjukkan terdapatnya signifikan terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Tetapi terdapat juga perbezaan dari segi min dan peratusan yang menunjukkan strategi daya tindak yang digunakan oleh belia pelbagai etnik dalam pengurangan penagihan semula dadah. Secara keseluruhannya strategi daya tindak belia pelbagai etnik dalam kajian ini berada pada peringkat sederhana.

Berdasarkan dapatan kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak kerajaan untuk melihat bagaimana strategi daya tindak yang dipunyai oleh bekas penagih dadah dalam usaha mereka untuk tidak kembali semula terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Dalam kajian ini, walaupun tidak menunjukkan terdapat sebarang signifikan terhadap pemboleh ubah yang dikaji, namun suatu dapatan yang boleh diberi penekanan ialah tentang perbezaan yang ditunjukkan oleh etnik-etnik yang dikaji mempunyai tahap strategi daya tindak yang berbeza dan tahap kekuatan mereka menghadapi situasi tertentu berdasarkan DASES.

Rujukan

- Abdul Ghafar Taib. (2005). *Bersama Perangi Dadah*. Kuala Lumpur: Penerbit Sri Kenanga Sdn. Bhd.
- Amina Noor. (2003). *Tips Menangani Masalah Dadah Di Kalangan Remaja*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Bigelow, G.E., Stitzer, M.L. & Liebson, I.A. (1984). The Role of Behavioral. Contingenc Management in Drug Abuse Treatment. *Behavioral Intervention Techniques in Drug Abuse Treatment*. National Institute on Drug Abuse, Maryland.
- Brandon, T.H., Tiffany, S.T. & Baker, T.B. (1986). The Process of Smoking Relapse. Research Analysis and Utilization System – *Relapse and Recovery in Drug Abuse*. National Institute on Drug Abuse, Maryland.
- Callaghan, M., Benton, S. & Bradley, F. (1995). Implementing a drug prevention programs: a comparative case study of two rural Kansas schools. *Journal of Youth and Adolescent*, 41, 1, 149 – 158.
- Cannors, G.J., Longabaugh, R. & Miller, W.R. (2002). Looking Forward and Back To Relapse: Implications For Research and Practice. *Journal of Addiction*, 9(12),191 – 196
- Carver, C. S., Scheier, M. F., & Weintraub, J. K. (1989). Assessing coping strategies: a theoretical based approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 36, 267 – 283.
- Catalano, R. F., & Gainey, R. R., Fleming, C. B., Haggerty, K. P., & Johnson, N. O. (1999). An experiemntal intervention with families of substance abuser: one year follow-up of the focus on families project. *Addiction*, 94, 2, 241 – 255.
- Gossop, M., Stewart, D., Browne, N. & Marsden, J. (2002). Factors Associated With Abstinence , Lapse or Relapse To Heroin Use After Residential Treatment : Protective Effect of Coping Responses..*Journal of Addiction*, 97(10),1259 – 1267
- Curran, H., Helene, R., & Stephen, H. (2000). Personality, environment and problem drug use. *Journal of Drug Issues*, Spring, 30, 2, 45 – 55.
- Greenglass, E.R., Burke, R.J. & Ondrack, M. (1990). A Gender-Role Perspective of Coping and Burnout. *Journal of Applied Psychology*, 39(1), 5-27
- Hall S.M. & Havassy B.E. (1986). Commitment to Abstinence and Relapse to Tobacco, Alcohol and Opiates. Research Analysis and Utilization System – *Relapse and Recovery in Drug Abuse*. National Institute on Drug Abuse, Maryland.
- Higgitt, A., Golombok, S., Fonagy, P. & Lader, M. (2006). Group Treatment of Benzodiazepine Dependence. *Journal of Addiction*, 82(5), 517 – 532.
- Kirby, K. C., & Lamb, R. J. (1995). Situations occasioning cocaine use and cocaine abstinence strategies. *Addiction*, 90(9), 1241 – 1253.
- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1994). *Pendidikan Pencegahan Dadah Dalam KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahmood Nazar Mohamed, Mohd. Taib Ariffin, Ismail Ishak, Jamaludin Mustafa & Rosli Mohammed (2004). *Penggunaan Strategi Daya Tindak Di Kalangan Bekas Penagih Dadah*. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Mahmood Nazar Mohamed, Hassan Hj. Ali, Faisal Hj. Ibrahim & Ahamad Jusoh.(2005). *Estimation of Drug Users and Injecting Drug Users in Malaysia*. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Mahmood, N. M., Md. Shuaib Che Din, & Ismail Ishak (1998). *Keberkesanan rawatan dan pemulihan penagihan dadah: Modaliti kerohanian dan tradisional di Malaysia*. Laporan kajian, Universiti Utara Malaysia – IRPA 1995 – 1997.
- Mahmood, N. M., Md. Shuaib Che Din, Lasimon, Matokrem, Md. Dzahir, K., & Rusli, A. 1999). *Penentu psikososial terhadap penagihan semula di kalangan penagih dadah proaktif*. Pusat Penyelidikan dan Perundingan: Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood, N. M., Md. Shuaib Che Din., & Lasimon Matokrem. (1999). *Psychosocisl fctors influencing recidivism maongst drug dependents. A Malaysia case study*. Paper presented at the 18th World Federation of Therapeutic Communities, September 8 – 143, St. Petersburg, Russia.
- Martin G.W., Wilkinson D. A., Poulos C.X (1995). Drug Avoidance Self-Efficacy Scale. *Journal of substance abuse*, 7(2),151-163.
- Meier, P.S., Donmall, M.C., Barrowclough, C., McElduff, P. & Heller, R.F. Predicting the Early Therapeutic Allience in the Treatment of Drug Misuse. *Journal of Addiction*, 100(4), 500 – 511.
- Monat, A., & Lazarus, R. S. (1977). *Stress and coping*. New York: Columbia University Press.
- Monti, P. M., & Rohsenow, D. J. (1997). Brief coping skills treatment for cocaine abuse: substance use ouitcomes at three months. *Addiction*, 92(12), 1717 – 1729.
- Murstein,B. I., Cerreto, M., & Mac Donald, M. G. (1977). A theory and investigation of the effect of exchange – orientation on marriage and frindships. *Journal of Marriage and the Family*, 39, 543 – 548.
- Myers, M. G. & Brown, S. A. (1990). Coping and appraisal in potential relapse situations among adolescent substance abusers following treatment. *Journal od Adolescent Chemical Dependency*, 1, 95 – 115.
- Orford, J., Natera, G., Mora, J., Tiburcio, M., Copello, A, Vellemen, R., Templeton, L., Atkinson, C., Crundall, I., & Walley, G. (2005). *Coping With Alcohol and Drug Problems – The Experiences of Family Members in Three Contrasting Cultures*. New York : Routledge Taylor & Francis Group.
- Rees, D. W., & Cooper, C. K. (1992). Occupational stress in health service workers in the UK. *Stress Medicine*, 8 (2), 79 – 90.
- Wesson D.R., Havassy, B.E. & Smith, D.E. 1986. Theories of Relapse and Recovery and Their Implications for Drug Abuse Treatment. *Relapse and Recovery in Drug Abuse*. National Institute on Drug Abuse, Maryland.
- Vaillant, G. (1970). The natural history of narcotic addiction. *Seminars in Psychiatry*, 2, 486 – 498.
- Wills, T. A., McNamara, G., Vaccaro, D. H., & Hirky, A. E. (1996). Escalated substance use: a longitudinal grouping analysis from early to middle adolescence. *Journal of Abnormal Psychology*, 105, 166 – 180.
- Wills, T. A., Vaccaro, D., McNamara, G. (1992). Family support, and competence in adolescent substance abuse: a test of vulnerability and protective factors. *American Journal of Community Psychology*, 20, 349 – 374.